



**GARIS PANDUAN CETUSAN INOVASI  
*CRAZY IDEA BOX*  
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2021**

---

## **GARIS PANDUAN CETUSAN INOVASI *CRAZY IDEA BOX* MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2021**

---

### **1.0 PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan menggalakkan kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan orang awam melontarkan idea bagi penghasilan produk inovasi dalam usaha membudayakan amalan inovatif dan kreatif.

### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Pertandingan Cetusan Inovasi *Crazy Idea Box* diadakan adalah bagi mengumpulkan hasil idea inovasi yang kreatif dan inovatif daripada individu, warga MDSB, orang awam atau wakil penduduk;
- 2.2 Hasil idea inovasi yang telah dinilai oleh panel penilai boleh diketengahkan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)/Kumpulan Inovasi MDSB bagi menyertai sebarang pertandingan yang dianjurkan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (SUK) atau mana-mana pihak yang diiktiraf oleh pihak SUK;
- 2.3 Idea inovasi yang dihasilkan akan dikenal pasti impak dan faedah yang boleh diketengahkan oleh Kumpulan KIK/Inovasi MDSB kepada kumpulan sasaran dalam aspek penyampaian perkhidmatan atau inovasi sosial; dan
- 2.4 Inisiatif ini dapat memenuhi kriteria-kriteria Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (*Star Rating*) dan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) sebagai saluran bagi menyumbang pengiktirafan amalan terbaik serta peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan sebagai platform perkongsian inovasi dalam organisasi MDSB.

### **3.0 SASARAN PENYERTAAN**

- 3.1 Penyertaan dibuka kepada semua warga kerja MDSB bagi menyumbang sekurang-kurangnya satu idea/produk inovasi untuk dinilai dan dipertandingkan; dan

3.2 Penyertaan turut dibuka kepada individu/pelajar/orang awam/wakil penduduk di Daerah Sabak Bernam.

#### **4. CADANGAN PELAKSANAAN PENGUMPULAN IDEA INOVASI**

4.1 Tarikh: 1 Februari 2021 hingga 30 Mac 2021

4.2 Kaedah Penghantaran: i) E-mel [unitkualitidaninovasimdsb@gmail.com](mailto:unitkualitidaninovasimdsb@gmail.com);  
atau

ii) Peti *Crazy Idea Box*, di Kaunter Khidmat Pelanggan, MDSB.

4.3 Penilaian Panel: 8 April 2021

#### **5. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

5.1 Penyertaan dibuka kepada semua warga kerja MDSB, individu/pelajar/orang awam/wakil penduduk untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Cetusan Inovasi *Crazy Idea Box* dengan menggunakan borang penyertaan yang telah disediakan oleh urus setia pertandingan di Unit Kualiti dan Inovasi, MDSB atau di portal rasmi MDSB;

5.2 Cetusan idea bagi produk/hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru/menciplak mana-mana produk/hasil inovasi yang lain;

5.3 Peserta perlu mengemukakan borang penyertaan yang lengkap berkaitan idea/hasil inovasi yang mengandungi:

5.3.1 Nama pencetus idea/hasil inovasi;

5.3.2 Pengenalan/latar belakang pencetus idea/hasil inovasi;

5.3.3 Tajuk Idea/hasil inovasi;

5.3.4 Penerangan Idea/Hasil Inovasi:

- Ringkasan idea/hasil inovasi;
- Tujuan idea/hasil inovasi;
- Kumpulan sasaran penghasilan idea;
- Impak hasil idea inovasi terhadap kumpulan sasaran;
- Gambar berkaitan (jika ada)

- 5.4 Hasil inovasi yang dicetuskan akan dinilai dan akan dijadikan projek inovasi Kumpulan KIK/Inovasi MDSB untuk diketengahkan ke peringkat negeri/kebangsaan/antarabangsa;
- 5.5 Keputusan Panel Penilai/Juri adalah muktamad dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan; dan
- 5.6 Sebarang tuntutan hasil kejayaan Kumpulan KIK/Inovasi daripada hasil idea/cetusan inovasi adalah tidak dibenarkan.

## 6. TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi yang disediakan dan perlu dimasukkan di dalam peti *Crazy Idea Box* yang disediakan di Kaunter Khidmat Pelanggan MDSB atau e-mel di unitkualitidaninovasi\_mdsb@gmail.com sebelum atau pada **30 Mac 2021**; dan
- 6.2 Pihak urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan pertandingan.

## 7. PROSES PENILAIAN

- 7.1 Semua penyertaan akan melalui proses penilaian yang diadili oleh panel penilai/juri yang akan diputuskan oleh pihak pengurusan tertinggi MDSB;
- 7.2 Panel penilai akan membuat penilaian dan menentukan cetusan idea/hasil inovasi terbaik melalui borang penyertaan seperti berikut:
  - (a) Keaslian cetusan idea/hasil inovasi;
  - (b) Kreatif/inovatif; dan
  - (c) Impak cetusan idea/hasil inovasi.
- 7.3 Peserta tidak perlu membuat persembahan/demonstrasi inovasi/produk kepada Panel Penilai; dan
- 7.4 Peserta yang berjaya akan dimaklumkan oleh pihak urus setia dan penyampaian hadiah akan disampaikan semasa Hari Inovasi MDSB tahun 2021.

## 8. KRITERIA PENILAIAN

Penilaian dan pemarkahan pertandingan akan mengambilkira komponen seperti berikut:

Bil.	Kriteria Pemarkahan	Markah (%)
1.	Keaslian Cetusan Idea	30
2.	Kreatif/Inovatif	40
3.	Faedah/Impak	30
<b>Markah Keseluruhan</b>		100

## 9. BENTUK HADIAH/ PENGHARGAAN

Hadiah dan ganjaran akan diberikan seperti berikut:

Bil.	Kedudukan Tempat	Hadiah
1.	Pertama	RM 200.00 dan Sijil Penghargaan
2.	Kedua	RM 150.00 dan Sijil Penghargaan
3.	Ketiga	RM 100.00 dan Sijil Penghargaan
4.	Keempat	RM 80.00 dan Sijil Penghargaan
5.	Kelima	RM 60.00 dan Sijil Penghargaan
6.	10 Saguhati	Sijil Penghargaan

Disediakan oleh:

Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Majlis Daerah Sabak Bernam.

Zla....GarisPanduanPertandingancrazyideabox2021